

24 SEP 2003

Othman-Sumbangan

JENAZAH ALLAHYARHAM OTHMAN YEOP DIKEBUMIKAN DI TANAH PERKUBURAN KIARA

KUALA LUMPUR, 24 Sep (Bernama) -- Jenazah bekas Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yoep Abdullah selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Kiara di sini, kira-kira pukul 11 pagi ini.

Kira-kira 100 anggota keluarga dan rakan-rakan seperjuangan mengiringi jenazahnya ke tanah perkuburan.

Dr Othman, 62, meninggal dunia pukul 4.45 petang semalam dirumahnya di Bukit Damansara kerana penyakit barah paru-paru yang dihidapinya sejak setahun setengah yang lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif MDC, Datuk Dr Mohamed Arif Nun berkata negara kehilangan seorang yang pintar yang telah bersama-sama membangunkan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan MDC sebagai sebuah organisasi yang mampu bersaing di peringkat serantau.

"Beliau seorang pejuang dari segi semangat membangunkan projek ini (MSC) serta tidak takut untuk meneroka cara-cara baru untuk mencapai prestasi yang dicapai sekarang, terutama dari segi aras tahap strategik beliau yang membolehkan kita mencari jalan dan inisiatif yang membolehkan kita bersaing di peringkat serantau," katanya kepada wartawan selepas upacara pengebumian Allahyarham.

Beliau berkata dalam pertumbuhan projek MSC, Dr Othman berjaya membawa MSC ke mercu kejayaan dalam tempoh tujuh tahun dengan pembangunan yang mengagumkan.

"Ia merupakan kehilangan besar kerana ketika kami mula pada tahun 1996, hanya dua tiga orang sahaja dan kami bermula dari kosong. Kini kita boleh menyaksikan prestasi MSC dalam masa tempoh tujuh tahun," katanya.

Seorang bekas rakan seperjuangan dalam kerajaan, Datuk Pahamin Rajab berkata perkembangan teknologi maklumat di negara ini sedikit sebanyak adalah hasil sumbangan yang dicurahkan oleh Allahyarham sebagai orang yang bertanggungjawab melaksanakan projek MSC.

Katanya semasa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi pengasas yang meletakkan ide membangunkan MSC, Othman pula merupakan tukang yang mendirikannya.

"Beliau berkelulusan akedemik yang tinggi, walaupun dalam masa percutian namun beliau masih lagi bertugas sepenuh masa dalam Multimedia Corporation. Dan saya rasa perkembangan teknologi maklumat di negara kita ini sebanyak sedikit sumbangan beliau," kata Pahamin, yang kini merupakan Pengerusi Air Asia.

Katanya beliau yakin kebolehan Othman masih diperlukan dalam membangunkan MSC.

"Kalau tidak kerana sakit, saya percaya beliau masih boleh memberi khidmat lebih daripada 10 tahun lagi kerana beliau adalah orang yang amat berkebolehan," katanya.

Dr Othman meninggalkan seorang isteri, Puan Sri Siti Zubaidah Zakaria dan tiga anak perempuan -- Siti Zuhaini, 34, Siti Zurhana, 32 dan Siti Zurina, 25.

Dr Othman dilahirkan pada 13 Sept 1941 di Alor Setar, Kedah dan mendapat pendidikan peringkat menengah di Kolej Sultan Abdul Hamid sebelum melanjutkan pelajaran peringkat ijazah di Universiti Malaya.

Beliau mula bertugas dengan kerajaan pada 1965 sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Dalam Negeri manakala jawatan terakhirnya dalam kerajaan ialah sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Utama dari

1993 sehinggalah persaraannya pada tahun 1996.

Antara jawatan-jawatan penting lain yang disandangnya dalam perkhidmatan kerajaan ialah Penolong Pengarah INTAN (1976-1980), Penolong Ketua Setiausaha (II) Kementerian Pendidikan (1985-1986), Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Pos (1988-1989) serta Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (1989-1993).

Selepas bersara daripada kerajaan, beliau dilantik sebagai Pengerusi Cyberview Sdn Bhd (Nov 2000), Pengerusi Eksekutif MDC (1996), Ahli Suruhanjaya Sekuriti (1993), Pengerusi Universiti Multimedia Telekom (1997) dan Majlis IT Kebangsaan pada 2002 dan tempoh itu sepatutnya berlarutan sehingga 2004.

-- BERNAMA

KK AZZ AZH